



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa: Analisis Keperluan Guru

(*Malay Idioms Teaching Module Development: A Needs Analysis of Teachers*)

Muhammad Faez Nurazman Amrullah¹, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad² & Zamri Mahamod³

^{1,2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Muhammad Faez Nurazman Amrullah**, faeznurazman@gmail.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2022

Volume: 12

Bilangan: 02

Halaman: 82-93

Dihantar pada:

13 Mei 2022

Diterima pada:

30 Julai 2022

Abstrak: Proses pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa mempunyai cabaran yang besar untuk diajar kepada murid Sekolah Amanah yang mempunyai kepelbagaiannya latar belakang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan sebuah modul pengajaran simpulan bahasa berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza melalui sebuah analisis keperluan. Kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap 3 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Amanah sebagai alat pengumpulan data. Dapatkan kajian telah dianalisis dalam bentuk tematik menggunakan aplikasi Atlas.ti bermula dengan pengkodan segmen teks dan menetapkan label kod dan kemudiannya dikodkan kepada bentuk tema mengenai amalan pengajaran simpulan bahasa dan pengajaran terbeza, masalah pengajaran simpulan bahasa dan pengajaran terbeza serta keperluan pembangunan modul. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru telah menggunakan kaedah gambar kerana merupakan kaedah yang paling berkesan. Guru juga telah memastikan keadilan diberikan terhadap murid melalui pengajaran mengikut tahap, aktiviti serta bahan yang disandarkan mengikut kesediaan, minat dan profil murid. Namun, masalah sumber pengajaran untuk melaksanakan pengajaran simpulan bahasa dan pengajaran terbeza menjadi cabaran utama kepada guru. Dapatkan kajian juga menjelaskan bahawa perlunya untuk membangunkan sebuah modul pengajaran untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan. Pembangunan modul ini membantu guru melaksanakan pengajaran simpulan bahasa yang berupaya membantu murid mentafsir makna secara mendalam hingga dapat meneroka akal budi penuturnya dan memberikan keadilan terhadap kepelbagaiannya murid melalui strategi pengajaran yang inovatif.

Kata Kunci: simpulan bahasa; semantik inkuisitif; pengajaran terbeza; Sekolah Amanah; modul

Abstract: The Malay idioms teaching and learning process faces great challenges among primary pupils in Trust Schools who have varied backgrounds. This study aimed to identify the needs in developing a teaching module to teach Malay idioms based on inquisitive semantic approach and differentiated instructions through a needs analysis. The qualitative study using semi-structured interview was conducted among 3 Bahasa Melayu teachers to collect data in Trust School. The findings were analysed into thematic form using Atlas.ti, starting with coding the text and setting its label and lastly coding on idioms instructions, differentiated instructions, and needs to develop a module. The findings show that teaching via picture is the most effective and teachers ensured their teaching is fair to every pupil according to their level, activities and materials based on the readiness, interest and learning profile. But, the lack of teaching resources to implement idioms teaching and differentiated instruction is a major challenge to teachers. The findings of the study also explain the need to develop a module to assist the teachers. The development of this module will guides the teachers to explain on the figurative meaning of the idioms and relate the idioms with the context of Malay minds through innovative teaching strategies based on the diversity of the students.

Keywords: Malay idioms; semantic inquisitive; differentiated instruction; Trust School; module

PENGENALAN

Sejak pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan pada dekad 1970-an, taraf Bahasa Melayu telah meningkat menjadi bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh semua golongan terutama murid-murid di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM 2017). Oleh itu, melalui Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah, pengajaran Bahasa Melayu digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi melalui kemahiran literasi dan aplikasi bahasa termasuklah aspek peribahasa (KPM 2018).

Demi mencapai tujuan tersebut, guru seharusnya berupaya mengasimilasikan sebuah pendekatan yang dapat memberi kesan pengajaran yang mendalam untuk memahami makna simpulan bahasa seperti pendekatan semantik inkuisitif. Pendekatan ini merupakan sebuah kerangka yang melibatkan proses mendalamai makna peribahasa dengan meneroka makna melalui falsafah dan akal budi masyarakat Melayu (Mary Fatimah & Mohd Ridzuan 2019). Pendekatan ini relevan diaplิกasikan di dalam pengajaran simpulan bahasa kerana menggabungkan bahasa sebagai data, kognitif penutur, falsafah dan budaya dalam memahami maksud simpulan bahasa secara tersurat dan tersirat (Muhammad Zaid 2018)

Bagi memastikan pengajaran simpulan bahasa dapat diberikan kepada murid dengan adil pula, pengajaran terbeza amat disarankan untuk guru Bahasa Melayu khususnya di Sekolah Amanah. Melalui pendekatan ini, guru perlu merancang pengajaran bersesuaian dengan kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid (Ismajli & Imami Morina 2018). Bagi melaksanakan pendekatan ini, tiga komponen kurikulum perlu diubah suai oleh guru semasa merancang pengajaran iaitu kandungan, proses dan produk (Tomlinson 2017). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, sebuah bahan terbimbang berbentuk modul diperlukan untuk membantu guru di Sekolah Amanah melaksanakan pengajaran dengan baik bagi mengintegrasikan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza. Namun begitu, sebuah modul yang mengintegrasikan teori dan amalan bagi kedua-dua elemen ini masih diperlukan untuk memudahkan guru melaksanakan pengajaran simpulan bahasa dengan baik di Sekolah Amanah.

PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA

Peribahasa merupakan salah satu komponen pengetahuan yang terangkum di dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah rendah. Salah satu genre peribahasa yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu ialah simpulan bahasa. Umumnya, simpulan bahasa terdiri daripada dua patah perkataan dan merupakan sejenis gaya bahasa sastera yang sukar dijelaskan maknanya kerana meliputi makna tersurat

dan tersirat (Muhammad Fauzi 2004; Wong & Nor Hashimah 2019). Disebabkan itu, pengajaran simpulan bahasa di sekolah memerlukan pendekatan pengajaran khusus yang dapat membantu guru mengajar dengan baik dan menggalakkan penerokaan terhadap akal budi masyarakat iaitu semantik inkuisitif.

Kerangka Semantik Inkuisitif

Semantik inkuisitif diperkenalkan oleh (Nor Hashimah 2014) untuk menganalisis makna kerana didorong dengan prinsip ingin tahu. Melalui gagasan pendekatan ini, guru akan dapat menjelaskan makna simpulan bahasa dengan baik dan mengaitkan informasi daripada pelbagai bidang lain (Asad & Nor Hashimah 2018). Dalam kerangka semantik inkuisitif, maksud simpulan bahasa dikupas melalui tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Tahap semantik skrip menjelaskan sesuatu maksud bagi setiap bahasa figuratif secara harfiah. Tahap semantik resonans pula menjelaskan maksud bahasa figuratif menggunakan analisis data berdasarkan teori yang dapat dikaitkan dengan kognitif. Akhir sekali, tahap semantik inkuisitif pula akan menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi masyarakat Melayu seterusnya mengaitkannya dengan makna yang diperolehi daripada dua peringkat terawal sebelumnya.

Pengajaran Terbeza

Perkembangan dunia pendidikan moden hari ini telah menyedarkan guru bahawa setiap murid mempunyai kemampuan dan minat yang berbeza. Seiring dengan kepelbagaiannya tersebut, pendekatan pengajaran terbeza mampu melayani keterbezaan murid yang terdapat dalam sistem persekolahan di Malaysia (Abd. Khahar et al. 2018). Sebagai mata pelajaran wajib di sekolah pula, Bahasa Melayu juga tidak terkecuali perlu diajar secara berkesan walaupun guru terpaksa menghadapi kepelbagaiannya murid di dalam kelas. Oleh itu, penggunaan pendekatan pengajaran terbeza amat ditekankan agar proses PdP yang berkesan dapat disampaikan kepada murid dalam proses PdP Bahasa Melayu kerana guru boleh memberikan peluang kepada murid untuk memilih cara belajar yang sesuai (Ain Nur Atika 2021; Stollman et al. 2021).

Model Pengajaran Terbeza

Pengajaran terbeza merupakan pendekatan yang mula diperkenalkan dan diceburi di Amerika Syarikat yang dipelopori oleh Tomlinson (Subban 2006). Pengajaran terbeza yang dibentuk oleh Tomlinson ini adalah bersandarkan kepada beberapa teori iaitu Vygotsky's (1978) *Constructivist Learning Theory* oleh Gardner's (2011) *Multiple Intelligences Theory* oleh Tomlinson's (2009) serta *Learning Profiles Theory*. Pendekatan ini percaya bahawa dengan memberikan pengajaran yang

sesuai dengan kemampuan, minat dan profil murid maka murid dapat belajar dengan baik ini kerana tidak semua murid boleh belajar menggunakan sumber yang sama disebabkan sifat semula jadi setiap manusia itu sendiri (Rasheed & Wahid 2018; Sizemore 2015).

Pendekatan pengajaran terbeza meliputi pengubahsuaian komponen pengajaran dengan membuat pembezaan beberapa komponen seperti kandungan, proses dan produk (Ismajli & Imami Morina 2018; Williams-Black et al. 2010). Kandungan pengajaran ialah merupakan apa yang ingin disampaikan kepada murid dan haruslah sesuai dengan tahap kemampuan akademik setiap murid (Kreitzer 2016). Selain itu, proses pula merupakan aktiviti yang dijalankan untuk memahami kandungan pengajaran dan perlu terdiri daripada pelbagai aktiviti atau strategi (Chien 2013). Produk pula merupakan proses murid mendemonstrasikan kefahaman tentang pembelajaran (Ismajli & Imami Morina 2018).

PENYATAAN MASALAH

Murid hari ini semakin kurang berminat dengan penggunaan simpulan bahasa. Hal ini kerana simpulan bahasa tidak dapat difahami oleh murid dengan mudah dan maknanya tidak mudah dijangka (Rafatbakhsh & Ahmadi 2019). Masalah ini turut dipersejutui oleh Samburskiy (2020), makna sebenar yang dibawa oleh kebanyakan simpulan bahasa tidak menggambarkan makna leksikal yang boleh dilihat secara harfiah. Akibatnya, murid tidak mampu menggunakan genre peribahasa tersebut dalam konteks yang betul sama ada secara lisan atau penulisan (Mohd Ridzuan 2020). Oleh itu, penggunaan simpulan bahasa akan semakin terhakis sekiranya masalah ini tidak ditangani daripada awal.

Pengajaran peribahasa yang menarik dan mendalam dilihat berupaya untuk meningkatkan penguasaan peribahasa termasuklah genre simpulan bahasa. Namun, kaedah pengajaran dan bahan yang digunakan oleh guru seperti kaedah hafalan dan kaedah merujuk kamus adalah membosankan serta tidak menarik telah menyebabkan lunturnya minat murid terhadap peribahasa (Mohd Ridzuan & Mary Fatimah 2018). Tambahan pula, kelemahan sumber pengajaran dan bahan pengajaran yang terhad telah memburukkan keadaan kerana menyebabkan guru tidak dapat menyampaikan pengajaran yang berkesan (Rafatbakhsh & Ahmadi 2019). Kekangan ini telah menyebabkan guru menghadapi masalah untuk mengajar simpulan bahasa.

Selain itu, bentuk pengajaran guru juga adalah indikator yang diambil kira dalam menentukan keberkesaan pengajaran. Namun begitu, kaedah dan bahan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa masih rendah untuk menggalakkan pembelajaran yang aktif (Norlela & Shamsudin 2020). Hal ini disebabkan guru kurang menggunakan amalan pengajaran terbaik seperti pengajaran berpusatkan

murid, kognitif dan sosial (Nor Hadibah et al. 2020). Tidak dapat dinafikan, pendekatan pengajaran terbeza sudah mula diberi perhatian dan disebar luas. Namun, pengetahuan pedagogi pengajaran terbeza dalam kalangan guru masih belum cukup mendalam untuk dijadikan sebagai amalan harian (Danial Arif 2020). Hal ini akan menyukarkan guru untuk mengatasi kepelbagaiannya kecenderungan dan keperluan murid semasa pengajaran berlangsung. Lebih memudaratkan, ketidakpastian dalam menggunakan kaedah dan teknik pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Melayu menjadi bukti kukuh bahawa terdapat kegusaran dalam memastikan pengajaran yang menepati keperluan murid adalah sukar dicapai (Sofiana 2020). Hal ini akan meningkatkan potensi untuk menidakkannya hak murid semasa pembelajaran berlangsung.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul pengajaran simpulan bahasa berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza di Sekolah Amanah bagi membangunkan murid secara holistik dengan keupayaan abad ke-21 melalui sebuah analisis keperluan. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti bentuk pengajaran simpulan bahasa yang diguna pakai oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah.
2. Mengenal pasti masalah pengajaran simpulan bahasa oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah.
3. Mengenal pasti bentuk pengajaran terbeza yang diguna pakai oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah dalam pengajaran simpulan bahasa.
4. Mengenal pasti masalah pengajaran terbeza oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah dalam pengajaran simpulan bahasa.
5. Mengenal pasti keperluan pembinaan modul untuk pengajaran simpulan bahasa di Sekolah Amanah.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan untuk menjalankan analisis keperluan mengenai keperluan pengajaran simpulan bahasa berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza dalam konteks pengajaran bahasa dibincangkan di bahagian ini dengan mendalam.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian secara kualitatif iaitu kajian tinjauan menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpulkan maklumat. Reka bentuk kajian ini adalah bersesuaian dengan konteks kajian ini kerana berupaya untuk mendapatkan maklumat secara terus bagi menghuraikan sesuatu fenomena (Chua 2014).

Temu bual dilaksanakan untuk mengenal pasti amalan pengajaran simpulan bahasa, masalah pengajaran simpulan bahasa, pelaksanaan pengajaran terbeza, masalah pelaksanaan pengajaran terbeza dan keperluan pembangunan modul. Teknik ini amat bersesuaian dengan tujuan kajian ini kerana ingin pandangan untuk mengenal pasti keperluan untuk membina modul pengajaran (Zanariah 2017).

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian kualitatif ini ialah protokol temu bual. Protokol temu bual yang digunakan dalam kajian ini merupakan temu bual separa berstruktur yang digunakan untuk menemui bual tiga orang guru Bahasa Melayu. Protokol temu bual ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkenaan dengan maklumat peserta kajian manakala bahagian kedua meliputi enam soalan induk berkenaan pengajaran simpulan bahasa dan pelaksanaan pengajaran terbeza di Sekolah Amanah serta keperluan membangunkan modul. Bagi memastikan item soalan temu bual mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, dua orang pakar telah dirujuk untuk menyemak item-item yang digunakan di dalam protokol soalan temu bual.

Peserta Kajian

Pensampelan bertujuan diaplikasikan dengan memilih peserta yang terlibat secara langsung dalam pengajaran simpulan bahasa dan pengajaran terbeza. Dalam kajian ini, seramai tiga orang guru Bahasa Melayu yang bertugas di sebuah Sekolah Amanah di Johor Bahru telah dijadikan sebagai peserta kajian (PK). Pemilihan peserta ini sangat bertepatan kerana PK yang dipilih merupakan guru Bahasa Melayu yang terlatih dan sedang mengajar kelas tahap 2. Pemilihan PK adalah mengikut kriteria yang ditetapkan, iaitu mempunyai kesanggupan, positif, berusaha untuk meningkatkan nilai professionalism dan proaktif.

Analisis Data

Berdasarkan dapatan daripada temu bual yang dijalankan, data temu bual diorganisasi menggunakan aplikasi Atlas.ti dalam bentuk tematik. Proses tersebut bermula dengan pengekodan segmen teks dan menetapkan label kod seterusnya teks tersebut dikodkan kepada bentuk tema mengenai amalan pengajaran simpulan bahasa, masalah pengajaran simpulan bahasa, pelaksanaan pengajaran terbeza, masalah pelaksanaan pengajaran terbeza dan keperluan membangunkan modul. Bagi memastikan tema dapatan yang diperolehi mempunyai kebolehpercayaan, dua proses jejak audit telah digunakan dengan memastikan kod tema adalah selari dengan kajian literatur dan pengulangan kod berlaku antara responden. Seterusnya, tema bagi

dapatkan juga telah dilakukan penelitian rakan sebaya bagi mendapatkan persetujuan. Berdasarkan hasil analisis daptan tersebut, landasan utama telah dapat dibentuk bagi membangunkan sebuah modul pengajaran untuk simpulan bahasa.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian daripada temu bual bersama tiga orang PK yang terlibat dalam tinjauan awal telah diperolehi untuk mencapai tujuan kajian iaitu untuk mengenal pasti keperluan pembangunan modul pengajaran untuk meningkatkan penguasaan simpulan bahasa di Sekolah Amanah. Beberapa soalan temu bual telah dijalankan antaranya ialah mengenai bentuk pengajaran simpulan bahasa, masalah pengajaran simpulan bahasa, bentuk pengajaran terbeza, masalah melaksanakan pengajaran terbeza dan keperluan modul.

Bentuk Pengajaran Simpulan Bahasa

Dapatan kajian yang telah dijalankan menemui beberapa bentuk pengajaran yang digunakan oleh guru bagi meningkatkan meningkatkan kefahaman dan kejelasan murid terhadap makna simpulan bahasa yang dipelajari seterusnya menggalakkan pengajaran yang lebih menarik.

JADUAL 1: Bentuk pengajaran simpulan bahasa

| Bentuk Pengajaran Simpulan Bahasa | PK1 | PK2 | PK3 |
|-----------------------------------|-----|-----|-----|
| • Bina Ayat dan Padankan | - | - | / |
| • Gambar | / | / | / |
| • Hafal | - | / | / |
| • TMK | - | / | / |
| • Kaedah Terus | / | - | - |
| • Merujuk Buku Teks | / | / | - |
| • Penerangan | / | - | / |
| • Perbincangan | - | / | - |
| • Permainan | - | / | - |
| • Projek | - | - | / |

Berdasarkan Jadual 1, dapatan yang diperoleh menunjukkan, PK telah menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran seperti latihan membina ayat dan memadankan, penggunaan gambar, hafalan, TMK, kaedah terus, penerangan, perbincangan, permainan, projek, serta merujuk buku teks. Namun begitu, kaedah yang paling berkesan menurut kesemua PK ialah penggunaan gambar kerana dapat mengajar murid untuk mengetahui makna simpulan bahasa dengan baik dan jelas.. Berikut merupakan sedikit ulasan PK mengenai amalan penggunaan gambar:

- PK1: Buat masa ni saya rasa kaedah tu berkesan...
- PK2: Kaedah paling berkesan budak faham guna gambar dan aktiviti soalan tapi gambarlah lebih jelas...

- PK3: Gambar la...

Selain itu, hasil dapatan temu bual yang seterusnya menunjukkan guru telah melaksanakan pengajaran simpulan bahasa dengan merujuk buku teks sebagai teknik pengajaran di dalam kelas. Menurut PK1 dan PK2, guru biasanya merujuk buku teks terlebih dahulu semasa mengajar. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK1: ...buku teks memang kita akan rujuk dulu la...
- PK2: ...biasanya saya tengok simpulan bahasa yang ada daripada buku teks...

Seterusnya, hasil dapatan temu bual yang telah dijalankan menunjukkan guru telah melaksanakan pengajaran simpulan bahasa menggunakan teknik hafalan kerana teknik tersebut adalah berkesan. PK3 juga menjelaskan bahawa murid lebih mudah menghafal apabila dapat melihat perkataan simpulan bahasa yang dipaparkan. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK2: Ya, paling berkesan teknik menghafal sebab dia macam penjodoh bilangan pun samakan...
- PK3: Dia kena nampak perkataan tu sebab dia menghafal perkataan tu...

Hasil dapatan temu bual yang telah dijalankan menunjukkan guru juga telah melaksanakan pengajaran simpulan bahasa menggunakan teknik TMK. Menurut peserta kajian, banyak aplikasi dan sumber media yang boleh digunakan dalam pembelajaran seperti *Near-Pot* dan *Youtube*. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK2: Sekarang banyak kan guna *near-pot*...
- PK3: Sekarang PDPR kan, ajarkan boleh buka *youtube*...

Hasil dapatan temu bual yang telah dijalankan menunjukkan guru telah melaksanakan pengajaran simpulan bahasa menggunakan teknik penerangan. Teknik penerangan ini dijelaskan oleh PK1 dan PK3 bahawa dapat membantu murid untuk lebih faham. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK1: Saya akan cuba bagi penerangan seringkas dan setepat yang boleh supaya murid boleh faham...
- PK3: Saya kena terangkan dulu maksud dia, apa makna dia?

Selain itu, PK juga menggunakan beberapa kaedah lain seperti kaedah terus, lembaran kerja, perbincangan, membina ayat, kaedah permainan dan projek. Kesemua

kaedah ini digunakan oleh PK untuk pengajaran simpulan bahasa. Berikut ialah ulasan PK:

- PK1: Saya pernah guna kaedah secara terus...
- PK2: Saya biasa bagi lembaran kerja...bincanglah. Maksud dia, tulis dalam buku...boleh bagi jenis permainan, *fan & pick* ke bincang dalam group...
- PK3: Ada juga latihan untuk dalam ayat, padankan...selalu bagi tugas untuk diorang buat macam buku skrap.

Masalah Pengajaran Simpulan Bahasa

Dapatkan temu bual dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa ketiga-tiga PK menghadapi masalah akibat daripada kekangan masa persediaan pengajaran, sumber yang terhad, masalah pengetahuan guru dan tahap pengetahuan murid.

JADUAL 2: Masalah pengajaran simpulan bahasa

| Masalah Pengajaran Simpulan Bahasa | PK1 | PK2 | PK3 |
|------------------------------------|-----|-----|-----|
| • Kekangan Masa | - | / | / |
| • Sumber terhad | / | / | / |
| • Pengetahuan guru | / | / | / |
| • Pengetahuan murid | / | / | / |

Berdasarkan transkripsi yang disertakan dibawah, kesemua PK menjelaskan bahawa terdapat kesukaran untuk menerangkan makna simpulan bahasa dengan mendalam dan jarang digunakan dalam kehidupan. PK1 pula menjelaskan dirinya tidak mengetahui secara meluas mengenai simpulan bahasa yang diajar dan terpaksa membuat carian makna terlebih dahulu. PK3 juga menunjukkan dirinya keliru untuk membezakan simpulan bahasa dan kategori peribahasa yang lain.

- PK1: Dari sudut *content* isi tu, itulah salah satu masalah dia. Macam mana nak bagi murid boleh faham lagi mendalam?
- PK2: ...nak terang maksud tu macam payah sikitlah sebab simpulan bahasa tu jarang la kita guna dalam kehidupan kita...
- PK3: Kita kena sendiri pertama sekali kena cari dulu maksudnya sebab takut kadang-kadang kita cakap tu tersilap...sebab kadang memang simpulan bahasa ketua dia, bawah dia ada peribahasa kan...

Selain itu, PK1 dan PK2 turut mengatakan bahawa terpaksa menangguhkan soalan jika murid bertanya tentang akal budi simpulan bahasa yang dipelajari kerana kurangnya pengetahuan mengenai pendekatan pengajaran simpulan bahasa yang mendalam. Seterusnya, PK1 turut mempunyai kesukaran untuk membantu murid mengaplikasikan simpulan bahasa di dalam ayat. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK1: Jika ada soalan murid, saya ada terpaksa *skip* dulu soalan seperti tu dan saya cari kemudian... Saya rasa paling mencabar daripada sudut pengembangan ayat...
- PK2: Kadang-kadang saya terus tukar cepat soalan...

Tambahan pula, kemampuan dan pengetahuan murid-murid untuk mempelajari simpulan bahasa turut menjadi masalah kepada guru untuk memastikan murid boleh menguasai simpulan bahasa. Berdasarkan transkripsi di bawah, pendapat PK1 dan PK3 berkenaan masalah berpuncu daripada murid adalah tidak dapat mengaplikasikan simpulan bahasa yang telah dipelajari dalam bentuk ayat secara bertulis dan lisan disebabkan kurang kefahaman terhadap simpulan bahasa. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK1: Masalah paling ketara dari sudut pembinaan ayat...diorang masih tak dapat kenal pasti apa yang mereka sebut itu simpulan bahasa...
- PK3 : ...tapi dia nak jadikan dalam bentuk ayat tu, maksud tu akan jadi lain sikit. Tapi kadang-kadang diorang susah faham juga, ada simpulan bahasa yang susah diorang nak masuklah...

Seterusnya, masalah yang kerap berlaku semasa pengajaran berlangsung ialah murid tidak mampu memahami maksud simpulan bahasa. PK2 dan PK3 menjelaskan bahawa murid tidak memahami simpulan bahasa yang diajar lantas menyebabkan murid sukar menjelaskan maksud dan mengingati simpulan bahasa tersebut. Ulasan yang diberikan oleh PK adalah seperti berikut:

- PK2: Semasa tengah mengajar, kadang budak tak faham kan...kita dah ajar awal nanti kita tanya lagi dia dah lupa...
- PK3 : Untuk diorang jelaskan maksud tu pun susah...

Selain itu, masalah sumber pengajaran adalah masalah lebih utama yang dihadapi guru semasa melakukan PdP simpulan bahasa. Sumber pengajaran yang terhad dari aspek kandungan dan panduan menyukarkan pengajaran guru disampaikan dengan berkesan kepada murid. Kesemua PK merasakan bahawa wujud masalah daripada aspek kandungan dan bahan yang boleh digunakan kepada guru untuk mengajar simpulan bahasa dengan baik. Hal ini dinyatakan oleh PK1 dan PK2 bahawa guru tidak mempunyai bahan terbimbing untuk mengajar simpulan bahasa. Masalah ini dinyatakan oleh PK dalam ulasan transkrip seperti berikut:

- PK1: Saya tak pasti tapi buat masa sekarang saya rasa memang tak ada...

- PK2: Jadi kita memang menggagau jugak la untuk nak cari modul...

Di samping itu, PK1 dan PK3 turut mengatakan bahawa kandungan simpulan bahasa yang terdapat di dalam buku teks dan sumber rujukan luar adalah terhad, terlalu umum, kurang sesuai dan mempunyai penerangan berbeza menyebabkan guru sukar melaksanakan pengajaran dengan mendalam. Tambahan pula, kandungan simpulan bahasa yang kurang sesuai dengan latar belakang murid turut menjadi masalah kepada PK3 bagi memastikan pengajaran simpulan bahasa disampaikan dengan baik dan menarik di sekolah. Masalah ini dinyatakan oleh PK dalam ulasan berikut:

- PK1: Dia memang ada bagi cadangan aktiviti dan cadangan tu dia sangat umum... ...sesetengah tu dia punya penerangan tu berbeza...biasanya dia memang tidak bagi makna, dia cuma bagi perkataan tu dan kita kena kenal pastilah...
- PK3: Bahagian simpulan bahasa ni, dia sangat sikit dalam buku sebab sekarang silibus baru kan...dia macam tak difokuskan sangat. Ada yang membantu, ada yang tak. Kita tak ikut 100% cadangan dalam buku teks tu sebab ada yang sesuai ada yang tak sesuai. Kadang-kadang ada simpulan bahasa tu yang sensitif kan untuk murid tu...

Masalah kekangan masa untuk penyediaan bahan pengajaran juga turut dihadapi oleh guru untuk memastikan bahan tersebut dapat digunakan dalam pengajaran simpulan bahasa. Berdasarkan transkripsi berikut, PK2 menunjukkan bahawa guru mempunyai kekangan masa untuk menyediakan bahan pengajaran simpulan yang menarik disebabkan bebanan tugas yang lain. Masalah ini dinyatakan oleh PK dalam ulasan transkrip seperti berikut:

- PK2: Yelah kena cari la kan. Maknanya kena ada masa nak "*menggoggle*". Kena duduk, kena "*menggoogle*" nak kena cari...Dengan keadaan dekat sekolah, kalau kita fokus mengajar je lain. Dengan pertandingannya apa banyak benda...

Bentuk Pengajaran Terbeza

Dapatan temu bual dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa ketiga-tiga PK telah melaksanakan amalan pengajaran menggunakan pendekatan pengajaran terbeza untuk mengajar simpulan bahasa meliputi kepelbagaiannya dan aktiviti, memberi peluang kepada murid menunjukkan kefahaman dan melaksanakan pengajaran mengikut tahap dan minat murid.

JADUAL 3: Bentuk pengajaran terbeza

| Bentuk Pengajaran Terbeza | PK1 | PK2 | PK3 |
|-----------------------------------|-----|-----|-----|
| • Kepelbagaian bahan dan aktiviti | / | / | / |
| • Peluang menunjukkan kefahaman | / | / | / |
| • Pengajaran mengikut tahap | / | / | / |
| • Pengajaran mengikut minat | - | - | / |

Berdasarkan transkripsi yang ditunjukkan di bawah, PK1, PK2 dan PK3 telah menggunakan kepelbagaian aktiviti dan menggunakan bahan yang sesuai dengan murid dalam pengajaran. PK1 dan PK3 misalnya telah menentukan aktiviti pengajaran berdasarkan kemampuan murid supaya murid dapat mengikut proses pembelajaran. Begitu juga dengan PK2, yang menggunakan kepelbagaian aktiviti berdasarkan kecenderungan murid.

- PK1: Mungkin murid yang dah tahu kita akan suruh dia isi dulu. So, mana murid yang belum tahu tu, dia ikut la mana yang kita ajar di depan.
- PK2: ...aktiviti memang pelbagai. Memang kena ada kemahiran membaca, menulis, bertutur dalam semua pengajaran.
- PK3: Dalam kumpulan tu kalau kita groupkan, kita boleh groupkan dia dengan yang lagi okaylah.

Selain itu, PK1, PK2 dan PK3 telah memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan kefahaman setelah pengajaran simpulan bahasa dilaksanakan. PK1 dan PK2 telah menggunakan aktiviti soal jawab untuk memastikan murid menguasai pengajaran yang dilaksanakan. PK2 juga menggunakan aktiviti seperti “exit card” untuk mendapatkan maklum balas murid, manakala PK3 pula telah menggunakan aktiviti simulasi untuk menguji kefahaman murid. Amalan ini dinyatakan oleh peserta kajian di dalam ulasan transkrip seperti berikut:

- PK1: Saya akan tanya la...
- PK2: Salah satu, kita tanya lah faham ke tak? Kedua, kita boleh buat “exit card” ke, buat satu “corner” untuk tanya soalan ke, buat kuiz...
- PK3: Saya bagi dia guna dalam pertuturan. Macam cuba awak berbual guna simpulan bahasa ni...

Tambahan pula, PK1, PK2 dan PK3 telah membezakan bahan dan aktiviti yang digunakan berdasarkan tahap kemampuan murid untuk memastikan murid dapat menguasai simpulan bahasa yang diajar. Misalnya, PK2 menyediakan beberapa bahan seperti perkataan atau gambar tanpa pilihan jawapan dan ada pilihan jawapan mengikut kemampuan murid. Begitu juga dengan PK1 dan PK3 yang menyediakan latihan dan aktiviti yang berbeza. Amalan

ini ditunjukkan oleh peserta kajian di dalam ulasan transkrip seperti berikut:

- PK1: ... kita akan beri mereka cuba buat lain daripada murid-murid yang tahap berbeza...
- PK2: ... kita bagi la perkataan atau gambar sahaja tanpa ada pilihan jawapan. Yang lemah yang “low level” tu atau “middle level” tu, kita bagi ada pilihan jawapan. Macam tu jelah...
- PK3: Ada perbezaan dari segi latihan la...

Akhir sekali, pengajaran mengikut minat pula kurang ditekankan sebagai salah satu amalan pengajaran simpulan bahasa. PK1 mengatakan bahawa keutamaan diberikan lebih kepada kemampuan berbanding minat manakala PK3 juga tidak mengambil kira faktor minat disebabkan murid sudah menunjukkan rasa teruja setiap kali pengajaran simpulan bahasa dilaksanakan. Sebaliknya, PK2 pula tetap mengambil kira faktor minat dalam merancang aktiviti pengajaran dengan melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran.

- PK1: Daripada sudut minat saya kuranglah...
- PK2: ...kena tarik minat budak tu dengan gambar yang pelbagai...
- PK3: Saya jarang tarik minat dia sebab saya cakap simpulan bahasa diorang dah “yeay”!

Masalah Pelaksanaan Pengajaran Terbeza

Hasil dapatan temu bual melalui PK1, PK2 dan PK3 dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat masalah semasa menerapkan pengajaran terbeza dalam pengajaran simpulan bahasa seperti banyak persediaan yang perlu dilakukan, pengajaran guru yang tidak difahami, sukar merancang pengajaran mengikut minat murid dan sumber pengajaran yang terhad.

JADUAL 4: Masalah perlaksanaan pengajaran terbeza

| Masalah Pengajaran Terbeza | PK1 | PK2 | PK3 |
|----------------------------|-----|-----|-----|
| • Banyak persediaan | - | / | / |
| • Sukar ikut minat murid | / | / | - |
| • Sumber terhad | - | / | / |

Hasil dapatan temu bual melalui PK2 seperti ulasan transkrip menunjukkan bahawa guru memerlukan masa yang banyak bagi menyediakan bahan pengajaran mengikut kecenderungan dan kemampuan murid. Begitu juga dengan PK3 yang mengatakan bahawa guru mempunyai masalah besar untuk menguruskan dan menyediakan bahan bagi pengajaran simpulan bahasa menggunakan pengajaran terbeza.

- PK2: Yelah sebab masa kan.
- PK3: Cuma yang masalahnya untuk menguruskan dan menyediakan tu hanya tuhan sahaja yang tahu.

Selain itu juga, masalah sukar melaksanakan pengajaran mengikut minat murid juga dihadapi oleh PK1 ketika cuba memberikan kefahaman terhadap murid yang mempunyai kepelbagaiannya latar belakang dan minat di dalam kelasnya. Disebabkan itu, PK1 telah mengambil langkah melaksanakan pengajaran yang asas kepada semua murid. Begitu juga dengan PK2 yang masih kurang pasti adakah pengajaran yang dirancang sesuai dengan minat murid. Berikut merupakan sedikit ulasan oleh PK mengenai kesukaran menyesuaikan pengajaran mengikut minat.

- PK1: Masalahnya, saya nak bagi kefahaman kepada murid... nak kenal pasti aktiviti yang sesuai dengan kepelbagaiannya murid tu. Jadi, saya ambil langkah, saya ambil asas kepada semua murid.
- PK2: Ya la, minat budak ni beza-beza kan. Sebab kadang-kadang kita tak tahu dia suka tak?

Masalah terakhir yang dihadapi oleh PK ialah sumber yang terhad yang menyukarkan penyampaian pengajaran yang baik. PK2 menyatakan bahawa bahan yang perlu digunakan ketika pengajaran adalah sukar diperoleh lebih-lebih lagi ketika konteks pengajaran dari rumah sekarang. Begitu juga dengan PK3 yang tidak dapat menggunakan bahan bergambar untuk pengajaran simpulan bahasa yang menarik disebabkan kesukaran mendapatkan gambar berkenaan simpulan bahasa. Masalah tersebut dinyatakan PK seperti ulasan transkrip berikut.

- PK2: Bahasa Melayu memang susah sikit. Kalau kita kat sekolah ni, nak nak kalau cuti ke, kita perlukan bahan-bahan tu lagi banyak la...
- PK3: Masalahnya pertama dari segi sumber. Walaupun saya nak ajar guna gambar, gambar tu sendiri kita nak cari susah.

Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa

Panduan pengajaran simpulan bahasa menggunakan pendekatan pengajaran terbeza perlu disediakan kepada guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah untuk melaksanakan pengajaran simpulan bahasa dengan baik dan bersesuaian dengan kepelbagaiannya murid agar pengajaran adalah adil dan sesuai.

- PK1: Ada, sangat baik. Memang ada keperluan kepada guru terutamanya bukan guru major Bahasa Melayu dan juga mungkin guru-guru baru dan sesuai juga sama ada guru yang dah lama mengajar untuk mereka dapat input kepada diri sendiri sebelum kita bagi pada murid.

- PK2: Oh iya, memang. Bagus tu kalau ada modul untuk panduan tu memang bagus.
- PK3: Ohh saya rasa sangat perlu. Sangat perlu untuk seseorang untuk membangunkan modul ni. Kalau dapat buat modul ni dengan baik maksudnya dia sangat membantu guru-guru terutama untuk mengajar simpulan bahasa. Dia memang sangat baik la untuk sistem pendidikan ni sendiri. Idea yang bagus untuk panduan untuk guru-guru mengajar dengan baik.

Hasil dapatan temu bual melalui ketiga-tiga PK, terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah panduan pengajaran khusus untuk pengajaran simpulan bahasa yang berbentuk modul. PK1 dan PK3 menyatakan bahawa modul adalah diperlukan bagi membantu guru bukan opsyen dan guru baru malah guru lama juga untuk mengajar simpulan bahasa dengan baik. Begitu juga dengan PK2 yang sangat menghargai jika ada pihak yang membangunkan modul pengajaran simpulan bahasa meliputi bahan bergambar untuk membantu guru dan dapat menjimatkan masa perancangan pengajaran guru.

PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan ini untuk mencapai lima objektif kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti bentuk pengajaran simpulan bahasa, masalah pengajaran simpulan bahasa, bentuk pengajaran terbeza, masalah melaksanakan pengajaran terbeza dan keperluan modul.

Bentuk Pengajaran Simpulan Bahasa

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu telah menggunakan beberapa kaedah pengajaran simpulan bahasa seperti kaedah gambar, permainan dan hafalan untuk memastikan pengajaran simpulan bahasa dilaksanakan dengan baik. Penggunaan kaedah pengajaran merupakan satu keperluan penting kerana setiap murid memerlukan kaedah yang berbeza untuk memproses simpulan bahasa yang dipelajari (Alhaysony 2017). Namun, penggunaan kaedah gambar dalam pengajaran simpulan bahasa merupakan kaedah yang paling berkesan kepada murid kerana dapat memberikan gambaran simpulan bahasa yang dipelajari. Dapatan ini tidak terdapat perbezaan dengan Arifuddin et al. (2020) yang berpendapat bahawa guru perlulah menggunakan bahan media yang baik dan efektif ketika melaksanakan pengajaran simpulan bahasa.

Sungguhpun begitu, dapatan bagi objektif pertama kajian ini juga mendapati bahawa teknik hafalan merupakan teknik yang masih digunakan guru dalam pengajaran simpulan bahasa kerana murid berasa lebih mudah kerana dapat melihat perkataan simpulan bahasa tersebut. Walaupun tinjauan literatur menunjukkan bahawa teknik hafalan adalah bentuk pengajaran

konvensional namun teknik ini masih mempunyai peranannya yang tersendiri. Dapatan ini tidak ada perbezaan dengan kajian Chung (2017) kerana teknik hafalan dipercayai dapat membantu murid untuk lulus dalam peperiksaan. Namun begitu, dapatan Guo (2019) tidak menyokong teknik hafalan kerana makna simpulan bahasa yang abstrak dan mempunyai maksud konotatif (tersirat) adalah sukar untuk dikuasai menerusi kaedah hafalan semata-mata malah akan membosankan murid.

Beberapa teknik konvensional lain juga masih menjadi amalan guru di Sekolah Amanah seperti teknik penerangan dan terus. Walaupun amalan teknik tersebut tidak selari dengan hasrat pendekatan pengajaran terbeza yang mengamalkan pengajaran berpusatkan murid di Sekolah Amanah namun Kamarudin et al. (2011) berpendapat dalam pengajaran bahasa, ada masanya guru perlu bertukar kepada strategi berpusatkan guru agar sesuai dengan kemampuan murid diperingkat rendah. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak disokong oleh Maria Chong et al. (2011) kerana strategi ini menyebabkan murid tidak terlibat aktif di dalam pembelajaran.

Masalah Pengajaran Simpulan Bahasa

Selain itu, guru telah menghadapi kesukaran melaksanakan pengajaran simpulan bahasa disebabkan beberapa kekangan, iaitu kekurangan sumber pengajaran seperti gambar, rujukan makna dan rujukan pengajaran yang menyukarkan pengajaran simpulan bahasa dilaksanakan. Dapatan ini selari dengan Sun (2018) yang mengatakan bahawa pengajaran simpulan bahasa sering dipandang ringan oleh guru disebabkan kurang bahan pengajaran yang disediakan. Namun begitu, buku panduan guru yang dibangunkan oleh KPM (2015) dapat dirujuk oleh guru kerana modul tersebut mengandungi aspek pengajaran sistem bahasa seperti peribahasa yang bertujuan untuk menyokong pembelajaran kemahiran bahasa yang lain dan membolehkan murid mengamalkan bahasa Melayu baku.

Selain itu, masalah yang lebih utama lagi adalah berkenaan dengan pengetahuan kandungan guru terhadap simpulan bahasa. Masalah ini dilihat perlu diberi perhatian sewajarnya kerana guru merupakan sumber utama sesuatu pengajaran. Menurut Masyuniza (2015), sesuatu pengajaran akan lebih menarik sekiranya guru dapat memberikan pengajaran yang menarik. Namun begitu, apa yang berlaku ialah guru dilihat tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap kandungan dan kaedah pedagogi simpulan bahasa itu sendiri. Sungguhpun begitu, dapatan kajian Nurul Ashikin et al. (2020) berjaya menunjukkan pengetahuan kandungan guru adalah pada tahap menguasai. Hal ini menjelaskan guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang diperlukan sebagai seorang fasilitator dalam proses pembelajaran murid,

namun beberapa aspek boleh ditingkatkan untuk memastikan kandungan ilmu yang disampaikan adalah mencukupi.

Bentuk Pengajaran Terbeza

Guru juga telah memandang berat terhadap kepelbagaiannya murid di dalam kelas dan sentiasa memastikan keadilan dapat diberikan melalui pendekatan pengajaran terbeza seperti melaksanakan bilangan aktiviti yang sesuai mengikut kesediaan murid dan memastikan bahan dan aktiviti adalah pelbagai untuk semua murid. Perkara ini adalah konsisten dengan kajian Sizemore (2015), guru perlulah menganalisis tahap kesediaan murid sebelum merancang dan menyediakan sumber pengajaran yang pelbagai untuk memenuhi keperluan belajar murid secara adil. Guru juga telah menepati aspek pengajaran terbeza dengan memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan penguasaan atau hasil pembelajaran dengan melakukan beberapa aktiviti seperti soal jawab, refleksi serta aktiviti lakonan. Aktiviti ini dilakukan oleh guru supaya murid dapat menunjukkan penguasaan justeru guru juga dapat menilai tahap kefahaman murid. Aktiviti tersebut juga dipelbagai mengikut minat dan profil murid agar murid berasa seronok dan tertarik untuk mendemonstrasikan pengetahuan. Dapatan ini juga tidak ada perbezaan dengan dapatan kajian Laari et al. (2021) yang menunjukkan bahawa guru telah menggunakan pelbagai kaedah penilaian kepada murid untuk memberi peluang kepada murid menunjukkan penguasaan pembelajaran.

Masalah Pelaksanaan Pengajaran Terbeza

Walaupun terdapat usaha yang dilakukan guru untuk memastikan pengajaran disesuaikan dengan minat murid namun faktor kepelbagaiannya minat murid di dalam sesebuah kelas telah menyukarkan guru untuk memastikan aktiviti menepati minat murid. Tambahan pula, untuk menyediakan aktiviti dan bahan pengajaran yang sesuai untuk semua murid adalah sukar kerana faktor kekangan masa dan bebanan tugas guru yang lain. Kekangan-kekangan yang dihadapi guru ini adalah sangat konsisten dengan dapatan Ismajli dan Imami-Morina (2018) serta Sizemore (2015) iaitu kekangan masa, sumber pengajaran dan pengetahuan guru merupakan perkara yang membantutkan perlaksanaan pengajaran terbeza itu sendiri.

Guru juga dilihat mempunyai kesukaran untuk melaksanakan pengajaran terbeza dengan sebaiknya kerana tidak mengaplikasikan aspek minat sepenuhnya sebagai kriteria di dalam pelaksanaan pengajaran terbeza. Amalan pengajaran ini secara tidak langsung telah mengabaikan minat murid lantas menyebabkan murid tidak melibatkan diri secara aktif di dalam pembelajaran. Dapatan yang diperolehi melalui kajian ini walaubagaimanapun tidak konsisten dengan dapatan

yang ditunjukkan oleh Ain Nur Atika (2021), iaitu guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan pengajaran terbeza di sekolah pada tahap yang tinggi di dalam kajianinya. Ini menjelaskan bahawa guru Bahasa Melayu sememangnya mempunyai kesediaan dan pengetahuan untuk melaksanakan kesemua penekanan di dalam pendekatan tersebut. Sungguhpun begitu, daptatan yang ditunjukkan oleh Danial Arif (2020) masih bertepatan dengan daptatan kajian ini kerana guru didapati masih kurang pengetahuan mengenai pelaksanaan pengajaran terbeza.

Keperluan Pembangunan Modul

Melalui temu bual yang dijalankan juga telah menjelaskan bahawa perlunya sebuah modul pengajaran simpulan bahasa untuk membantu guru Bahasa Melayu. Walaupun begitu, daptatan Nurul Hasna et al. (2020) menunjukkan skop kandungan buku teks tahap dua yang telah dibangunkan oleh KPM telah meliputi aspek yang luas. Hal ini menjelaskan kandungan buku teks itu sendiri dapat digunakan oleh guru untuk memberikan pendedahan kepada murid mengenai simpulan bahasa. Namun begitu, modul pengajaran simpulan bahasa yang khas akan dapat membantu semua guru tidak kira bukan opsyen atau guru baharu untuk menyampaikan pengajaran simpulan bahasa yang baik dan tersusun. Hal ini kerana menurut Sidek dan Jamaludin (2005), modul itu sendiri merupakan satu bentuk unit pengajaran yang bersistematik untuk membantu seseorang mencapai matlamat. Disebabkan itu, guru akan mudah untuk merujuk bagi menyampaikan pengajaran simpulan bahasa yang berkesan dan relevan.

Tambahan pula, ciri simpulan bahasa itu sendiri yang merupakan bahasa figuratif dapat diajar dengan baik jika guru disediakan sebuah panduan pengajaran berbentuk modul. Menurut Tangaprabu et al. (2019), buku pengajaran simpulan bahasa sedia ada tidak menjelaskan maksud peribahasa secara khusus menguatkan lagi daptatan kajian ini untuk membangunkan sebuah modul pengajaran simpulan bahasa. Keperluan yang ditunjukkan di dalam daptatan kajian ini juga diperkuuhkan lagi dengan daptatan kajian Gathigia (2016) yang mengatakan bahawa guru sukar memahami makna figuratif yang dipunyai oleh simpulan bahasa dan faktor kekurangan sumber pengajaran serta kemahiran pedagogi dalam pengajaran simpulan bahasa itu sendiri.

KESIMPULAN

Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah membawa perubahan yang pesat kepada segenap aspek kehidupan termasuklah sistem pendidikan. Seiring dengan itu, untuk memastikan penyampaian pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Amanah adalah terkini, sudah semestinya menuntut perubahan terhadap bentuk pengajaran yang baharu supaya relevan kepada

Generasi Z. Atas kepentingan tersebut, pembangunan modul pengajaran simpulan bahasa yang mengintegrasikan teori dan amalan pengajaran ini adalah selari dengan hasrat Kurikulum Standard Bahasa Malaysia yang telah digagaskan oleh KPM yang berhasrat untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Sehubungan itu, amalan terbaik pengajaran yang akan diintegrasikan dalam pembangunan modul ini iaitu pendekatan semantik inkuisitif dan pengajaran terbeza pasti akan dapat membantu guru melaksanakan pengajaran simpulan bahasa yang berupaya membimbing murid mentafsir makna secara mendalam hingga dapat meneroka akal budi penuturnya dan memberikan keadilan terhadap kepelbagaiannya murid melalui strategi pengajaran yang inovatif. Akhirnya, hasrat murni yang sangat diaspirasikan oleh KPM, iaitu untuk memartabatkan bahasa Melayu di peringkat negara dan global pasti akan dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- Abd. Khahar Saprani, Hapsah Majid, Zanariah Ibrahim & Lokman Abd Wahid. (2018). Pedagogi terbeza: Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 11, 1-10.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Alhaysony, M.H. (2017). Strategies and difficulties of understanding English idioms: A case study of Saudi University EFL students. *International Journal of English Linguistics*, 7 (3), 70-84.
- Arifuddin Arifuddin, Arafiq Arafiq, I Made Sujana & Kurniawan Apgriyanto. (2020). The mastery of and strategies for understanding the idiomatic expressions applied by the students of hospitality and tourism. *Journal of Hospitality and Tourism Education*, 32 (3), 167-177.
- Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi objek konkrit dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 18 (2), 197-218.
- Chien, C. (2013). Implementing choice boards with cooperative learning to serve mixed-level elementary school EFL learners. *Journal of Taipei University of Education*, 44 (1), 67-88.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi ke-3. Shah Alam: Mc Graw Hill Education (M) Sdn Bhd.
- Chung, L.L. (2017). Pembangunan dan penilaian modul penulisan karangan Bahasa Melayu tingkatan 4. Tesis Dr. Falsafah. Pendidikan.

- Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42.
- Gathigia, M.G. (2016). The teaching of english idioms in Kenyan secondary schools: Difficulties and effective strategies. *Advances in Language and Literary Studies*, 7 (2), 33-40.
- Guo, Y. (2019). Teaching English idioms to chinese EFL learners: A cognitive linguistic perspective. *English Language Teaching*, 12 (5), 145-155.
- Ismajli, H. & Imami Morina, I. (2018). Differentiated instruction: Understanding and applying interactive strategies to meet the needs of all the students. *International Journal of Instruction*, 11 (3), 207-218.
- Kamarudin Husin, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari. (2011). *Pedagogi Bahasa*. Tanjung Malim, Perak: Emeritus Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buku Panduan Guru Tahun 5 Sekolah Kebangsaan*. Edisi ke-1. Putrajaya: Bahagian Buku Teks.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025*. Edisi ke-2. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kreitzer, K. (2016). Differentiation for all learners: applying theory and practice so all children reach their potential.Dissertation Thesis. Hamline University.
- Laari, A., Lakkala, S. & Uusiautti, S. (2021). For the whole grade's common good and based on the student's own current situation: Differentiated teaching and the choice of methods among Finnish teachers. *Early Child Development and Care*, 191 (4), 598-611.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. (2011). Strategi pengajaran pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 8, 101-115.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Inquisitive semantic analysis of Malay Language proverbs. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2), 227-253.
- Masyuniza Yunos. (2015). Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 22-30.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2020). *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu Melalui Semantik Inkuisitif*. Edisi ke-1. Kota Bharu: Menhajj Resources.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2018). Melestarikan peribahasa sebagai warisan bangsa melalui pendekatan alternatif dalam pendidikan Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-10 (SALPBM X)*, hlm. 88-96.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2004). Penterjemahan simpulan bahasa Arab-Melayu: Satu analisis teori relevans. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 12 (2), 143-149.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10 (2), 41-51.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 1-14.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6 (2), 1-11.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Peng, C.F. & Zuraidah Abdullah. (2020). Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 43-53.
- Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap 2: Data anekdot. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8 (2), 1-12.
- Rafatbakhsh, E. & Ahmadi, A. (2019). A thematic corpus-based study of idioms in the corpus of contemporary American English. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 4 (11), 1-21.
- Rasheed, F. & Wahid, A. (2018). The theory of differentiated instruction and its applicability: An e-learning perspective. *International Journal of Technical & Non Technical Researsch*, 9 (4), 193-202.
- Samburskiy, D. (2020). The effect of a dual coding technique on idiom interpretation in ESL/EFL learners. *International Journal of Instruction*, 13 (3), 187-206.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang:

- Universiti Putra Malaysia.
- Sizemore, E.K. (2015). A phenomenological study of differentiated instruction for fifth grade gifted and high ability learners through math in focus. Thesis of Philosophy. Liberty University.
- Sofiana Hassan. (2020). Tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu daerah Sibu dalam mengaplikasikan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 74-81.
- Stollman, S., Meirink, J., Westenberg, M. & van Driel, J. (2021). Teachers' interactive cognitions of differentiated instruction: An exploration in regular and talent development lessons. *Journal for the Education of the Gifted*, 44 (2), 201-222.
- Subban, P. (2006). Differentiated instruction: A research basis. *International Education Journal*, 7 (7), 935-947.
- Sun, Y. (2018). Translation strategies applied in English and Chinese idioms. *Advance in Social Science, Education and Humanities Research*, 300, 187-190.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 7 (2), 70-88.
- Tomlinson, C.A. (2017). *How to Differentiate Instruction in Academically Diverse Classrooms*. Edisi ke-3. Alexandria: ASCD.
- Williams-Black, T.H., Bailey, J.P. & Coleman Lawson, P.D. (2010). Differentiated instruction: Are University Reading Professors implementing it? *The Reading Matrix*, 10 (1), 45-54.
- Wong, S.H. & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu "Mati Hidup Semula": analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19 (2), 231-258.
- Zanariah Ahmad. (2017). Pembangunan modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran reflektif untuk Politeknik Premier. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.